

20 AUG 2002

Ukraine-Kedutaan/I

UKRAINE BUKA KEDUTAAN DI SINI DAN MALAYSIA BERBUAT DEMIKIAN DI KIEV

KUALA LUMPUR, 20 Ogos (Bernama) -- Ukraine membuka kedutaannya di sini hari ini dengan tekad untuk meningkatkan lagi hubungan dan kerjasama dengan Malaysia.

Timbalan Perdana Menteri pertama Ukraine, Oleg Dubyna berharap Malaysia pula akan membuka kedutaan di Kiev tahun depan.

Bercakap dalam persidangan akhbar sempena pembukaan kedutaan itu di tingkat 22, Menara Tan dan Tan di Jalan Tun Razak di sini, Dubyna, melalui jurubahasa, berkata beliau berharap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan membuat lawatan rasmi ke Ukraine tahun depan.

"Lawatan saya kali ini adalah singkat, tetapi saya telah mengadakan beberapa pertemuan penting dengan Dr Mahathir, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar," katanya.

Beliau berkata dalam pertemuan itu, kedua-dua pihak telah mencapai persefahaman terutama mengenai soal politik dan keputusan positif berhubung kerjasama dua hala.

"Kita telah menetapkan arah yang jelas dalam hubungan kita seperti kerjasama dalam bidang sains dan teknologi," katanya.

Dubyna berkata Ukraine berharap Malaysia akan menjadi jambatan kepada negaranya di rantau Asia dan begitu juga Ukraine akan menjadi jambatan kepada Malaysia di Eropah.

Dubyna, yang menyifatkan Malaysia sebagai negara utama di Asia Tenggara, juga berharap hubungan antara kedua-dua negara akan bertambah erat.

Malaysia dan Ukraine telah menjalin hubungan dua hala sejak 10 tahun lepas

Dubyna, yang tiba semalam untuk lawatan tiga hari atas undangan Abdullah, mengetuai perwakilan 20 orang termasuk pegawai-pegawai kanan kerajaan dan lapan usahawan terkemuka negara itu.

Ukraine, sebuah negara maritim, mempunyai 50 juta penduduk. Ia terletak di timur Eropah, berkongsi sempadan dengan Belarus, Hungary, Moldova, Poland, Romania, Rusia dan Slovakia.

Ia terkenal sebagai negara yang pakar dalam bidang sains dan teknologi, pembinaan kapal terbang dan satelit dan telekomunikasi angkasa lepas.

Syed Hamid ketika ditemui Bernama berkata, pembukaan kedutaan Malaysia di Kiev akan dilakukan tahun depan.

"Kita akan melihat perkara ini secara positif bagi memenuhi permintaan mereka," katanya.

Pada masa ini kepentingan diplomatik Malaysia di Ukraine diuruskan oleh Kedutaan Malaysia di Poland.

Syed Hamid berkata kajian mengenai kemungkinan menubuhkan kedutaan di Kiev akan dilakukan oleh Duta Malaysia di Poland yang juga Duta ke Ukraine.

Beliau berkata Ukraine bukan sahaja berminat bekerjasama dalam bidang pertahanan, tetapi juga bidang lain seperti pembinaan kapal, kejuruteraan angkasa lepas dan bioteknologi.

-- BERNAMA

SHI MSL AZH ZB MAI